



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

PERLINDUNGAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (LINDUNG KENDIRI) KEPADA PEKERJA GIG DI BAWAH PERUNTUKAN AKTA PEKERJA GIG 2025 [AKTA 872]

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

BIL. 2/2026 | 31 MAC 2026

1. Siapakah yang dimaksudkan sebagai pekerja gig di bawah Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872]?

Pekerja gig merujuk kepada seorang individu warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia yang memeterai perjanjian perkhidmatan (*contract for service*) dengan entiti kontrak termasuk penyedia platform dan menerima pendapatan atas perkhidmatan yang diberikan.

2. Siapakah yang dimaksudkan sebagai penyedia platform di bawah Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872]?

Penyedia platform merujuk kepada mana-mana penyedia sistem pengantara digital yang menghubungkan perkhidmatan oleh pekerja gig kepada pengguna perkhidmatan.

3. Apakah kewajipan penyedia platform?

Penyedia platform hendaklah memastikan pendaftaran pekerja gig, pematuhan pembayaran caruman serta pelaporan kepada PERKESO selaras dengan peruntukan Akta 872.

4. Apakah perbezaan caruman pekerja gig di bawah Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872] dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] iaitu LINDUNG Kendiri?

Caruman Skim LINDUNG Kendiri kepada pekerja gig di bawah Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872] adalah mandatori. Caruman ini akan diuruskan dan dipotong melalui penyedia platform secara automatik.

Manakala bagi caruman di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789], individu bekerja sendiri perlu mendaftar dan membayar sendiri caruman untuk mendapatkan perlindungan.

5. Adakah semua pekerja gig wajib mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri) [Akta 789] PERKESO dan Akta 872?

Tidak, hanya pekerja gig yang bekerja dan menerima pendapatan melalui penyedia platform sahaja yang diwajibkan mencarum di bawah Akta 872 dan LINDUNG Kendiri (Akta 789). Manakala bagi pekerja gig yang bekerja bukan melalui penyedia platform boleh mencarum secara sukarela sepertimana LINDUNG Kendiri sedia ada.

6. Siapakah yang akan membayar caruman pekerja gig yang mempunyai platform kepada PERKESO?

Penyedia platform bertanggungjawab untuk membuat potongan daripada pendapatan pekerja gig dan mencarum kepada PERKESO bagi pihak pekerja gig melalui sistem perantara digital penyedia platform yang diintegrasikan dengan *Application Programming Interface (API)*.

7. Adakah pekerja gig perlu membuat pendaftaran sendiri bagi tujuan potongan caruman pekerja gig yang mempunyai platform di bawah Akta 872 ini?

Tidak perlu, pendaftaran dan caruman pekerja gig akan diuruskan oleh penyedia platform. Namun, pekerja gig digalakkan untuk menyemak status caruman di Portal PRIHATIN PERKESO, aplikasi PRIHATIN atau hadir ke pejabat PERKESO berhampiran.

8. Berapakah kadar atau jumlah potongan caruman yang perlu dipotong daripada pendapatan pekerja gig?

Kadar potongan caruman adalah sebanyak **1.25%** daripada setiap transaksi tugas atau 'job' yang diselesaikan oleh pekerja gig. Potongan akan dikumpulkan ke dalam akaun gig (*wallet*) pekerja gig. Potongan akan dibuat sehingga jumlah terkumpul mencukupi jumlah bayaran tahunan pelan caruman pilihan di bawah Akta 789.

9. Apakah pelan caruman yang disediakan di bawah Skim LINDUNG Kendiri kepada pekerja gig?

Caruman pekerja gig akan dipotong secara automatik berdasarkan Caruman Pelan 1 (RM157.20 setahun). Sekiranya pekerja gig ingin menaik taraf ke pelan yang lebih tinggi, mereka perlu memastikan jumlah caruman terkumpul dalam *wallet* platform mencukupi untuk pelan sedia ada. Alternatifnya, pekerja gig juga boleh membuat bayaran tambahan (*top-up*) melalui Portal PRIHATIN atau aplikasi PRIHATIN jika perlu. Bayaran tambahan ini juga hendaklah dibuat sekiranya transaksi tugas atau 'job' yang dilaksanakan oleh pekerja gig tidak mencukupi.

Terdapat empat (4) jenis pelan yang boleh dipilih oleh pekerja gig mengikut LINDUNG Kendiri (Akta 789) seperti di bawah:

Pelan	Pendapatan Bulanan Pilihan Yang Diinsuranskan (RM)	Bayaran Caruman Bulanan (RM)	Bayaran Caruman Tahunan (RM)
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

10. Bagaimana jika pekerja gig bekerja dengan lebih daripada satu penyedia platform?

Pekerja gig boleh mendaftar dan menjalankan pekerjaan di pelbagai penyedia platform. Semua potongan yang dibuat oleh setiap platform akan disatukan di dalam akaun gig pekerja (*wallet*).

11. Bagaimana jika pekerja gig menjalankan lebih daripada satu aktiviti pekerjaan sendiri?

Sekiranya pekerja gig menjalankan lebih daripada satu aktiviti pekerjaan sendiri dan kesemua aktiviti pekerjaan tersebut adalah melalui penyedia platform, pekerja gig hanya perlu membuat caruman di bawah satu sektor sahaja iaitu Sektor Penyedia Perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, sekiranya dalam masa yang sama pekerja gig turut menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri selain daripada Sektor Penyedia Perkhidmatan, maka pekerja gig perlu membuat caruman bagi pekerjaan tersebut mengikut sektor di bawah LINDUNG Kendiri (Akta 789).

12. Bilakah tempoh perlindungan LINDUNG Kendiri (Akta 789) pekerja gig bermula?

Tempoh perlindungan bagi pekerja gig bermula dari penerimaan tugas atau 'job' pertama dilakukan oleh pekerja gig.

13. Bagaimana dengan caruman bagi pekerja gig tanpa penyedia platform?

Pekerja gig tanpa penyedia platform adalah tidak dimandatorikan untuk mencarum Skim LINDUNG Kendiri di bawah peruntukan Akta 872. Walau bagaimanapun, mereka masih boleh membuat caruman secara sukarela bagi mendapatkan perlindungan yang sama.

14. Bagaimana jika potongan caruman pekerja gig tidak mencukupi berdasarkan tugas yang telah dilakukan?

Jika jumlah caruman yang dipotong tidak mencukupi, pekerja gig akan menerima notifikasi untuk membuat bayaran tambahan kekurangan caruman

untuk mencukupkan bayaran pelan minimum sedia ada. Bayaran tambahan bagi kekurangan caruman boleh dibuat di Portal PRIHATIN PERKESO, aplikasi PRIHATIN atau hadir ke pejabat PERKESO berhampiran.

15. Apa berlaku jika potongan caruman pekerja gig telah mencapai had pelan semasa?

Jika jumlah caruman pekerja gig telah mencapai had pelan setahun bagi Pelan Caruman 1 (RM157.20), potongan caruman ini akan diteruskan sehingga maksimum dua puluh empat (24) bulan dengan syarat Caruman Pelan sedia ada telah diselesaikan. Pekerja gig juga akan mendapat notifikasi sama ada ingin menaik taraf ke pelan caruman yang lebih tinggi memandangkan tuagasan atau 'job' yang dilaksanakan melebihi kadir minimum potongan yang ditetapkan.

16. Bagaimana jika penyedia platform tidak membuat potongan caruman bagi pihak pekerja gig?

Bagi tujuan potongan caruman pekerja gig, pekerja gig hendaklah menghubungi penyedia platform masing-masing untuk membuat pendaftaran bagi membolehkan potongan caruman dilaksanakan secara automatik melalui *wallet* platform.

17. Bagaimana jika penyedia platform tidak bersedia untuk membuat potongan caruman melalui API?

Sekiranya penyedia platform tidak bersedia untuk melaksanakan potongan caruman melalui API, pihak penyedia platform hendaklah menghubungi PERKESO bagi tujuan pendaftaran secara manual (pukal), merangkumi proses pendaftaran serta penerimaan bayaran caruman pekerja gig.

Pembayaran caruman hendaklah dibuat oleh pekerja gig mengikut kaedah sedia ada secara 'one-off' terus kepada PERKESO melalui cara yang telah ditetapkan. Ini bagi memastikan perlindungan keselamatan PERKESO adalah terjamin.

18. Jika pekerja gig sudah mempunyai caruman sedia ada (aktif), adakah potongan melalui penyedia platform masih akan dibuat?

Ya. Potongan caruman melalui penyedia platform tetap akan dibuat. Potongan akan terhenti sekiranya caruman pekerja gig telah genap 24 bulan.

19. Bagaimana dengan tempoh perlindungan sedia ada (Akta 789) yang sedang aktif?

Tempoh perlindungan di bawah Sektor Penyedia Perkhidmatan (sektor gig) akan bersambung dengan perlindungan sedia ada (Akta 789) yang masih aktif, sekiranya aktiviti pekerjaan sendiri tersebut juga merupakan pekerjaan di bawah penyedia platform.

20. Apakah skim perlindungan yang disediakan kepada pekerja gig?

Pekerja gig akan mendapat perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan Sendiri, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri).

21. Apakah takrifan 'bencana pekerjaan sendiri'?

Takrifan 'bencana pekerjaan sendiri' ialah kecederaan diri pada pekerja gig yang disebabkan oleh kemalangan atau penyakit pekerjaan asbab daripada dan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendirinya termasuk perjalanan yang berkaitan dengan pekerjaan sendirinya.

22. Apakah manfaat faedah yang disediakan di bawah LINDUNG Kendiri?

Perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan Sendiri, LINDUNG Kendiri menyediakan lapan (8) faedah seperti berikut:

i) Faedah Perubatan

Pekerja gig yang ditimpa bencana pekerjaan sendiri layak mendapat rawatan perubatan melalui klinik/ hospital kerajaan secara percuma dengan kos rawatan ditanggung oleh PERKESO merujuk kepada had dan syarat ditetapkan di bawah Akta Fi 1951.

ii) Faedah Hilang Upaya Sementara

Pekerja gig yang memperolehi cuti sakit akibat bencana pekerjaan sendiri layak mendapat Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) pada kadar 80% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan dengan bayaran minimum RM30.00 sehingga maksimum RM105.33 sehari tertakluk kepada bilangan minimum tempoh cuti sakit adalah selama 4 hari termasuk hari bencana.

iii) Faedah Hilang Upaya Kekal

Pekerja gig yang mengalami Hilang Upaya Kekal akibat bencana pekerjaan sendiri layak mendapat Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK) pada kadar 90% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan dengan bayaran minimum RM31.50 sehingga maksimum RM118.50 sehari.

iv) Elaun Layanan Sentiasa

Pekerja gig yang mengalami hilang upaya kekal langsung dan tidak berupaya dengan teruknya serta sentiasa memerlukan layanan daripada orang lain layak mendapat Elaun Layanan Sentiasa (ELS) pada kadar RM500.00 sebulan.

v) Faedah Orang Tanggungan

Pekerja gig yang meninggal dunia akibat bencana pekerjaan sendiri layak mendapat Faedah Orang Tanggungan (FOT) yang dibayar secara bulanan kepada orang tanggungan/ waris yang layak. Kadar FOT harian adalah 90% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan dengan bayaran minimum RM31.50 sehingga maksimum RM118.50 sehari.

vi) Faedah Pengurusan Mayat

Pekerja gig yang meninggal dunia akibat bencana pekerjaan sendiri layak mendapat Faedah Pengurusan Mayat (FPM) yang kepada orang tanggungan/ waris yang menguruskan jenazah pekerja gig. Kadar bayaran FPM adalah sebanyak RM3,000.00.

vii) Faedah Pinjaman Pendidikan

Anak tanggungan pekerja gig yang meninggal dunia akibat bencana pekerjaan sendiri atau menerima bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal berkecukupan mendapat Faedah Pinjaman Pendidikan.

viii) Kemudahan Pemulihan Jasmani dan Vokasional

Pekerja gig yang mengalami bencana pekerjaan sendiri dan memerlukan rawatan pemulihan berkecukupan mendapat kemudahan pemulihan jasmani, iaitu fisioterapi, terapi pekerjaan, pembedahan rekonstruktif, bekalan prostetik, ortotik serta pemulihan vokasional

23. Apakah penentuan jumlah kadar faedah dalam LINDUNG Kendiri?

Jumlah kadar faedah ditentukan berdasarkan pilihan pelan caruman oleh pekerja gig.

24. Bagaimana permohonan tuntutan faedah boleh dibuat?

Kadar faedah yang dibayar kepada pekerja gig yang mengalami bencana pekerjaan sendiri adalah berdasarkan pilihan pendapatan bulanan yang diinsuranskan merujuk kepada pilihan caruman tahunan seperti berikut:

Pelan	Pendapatan Bulanan Yang Diinsuranskan (RM)	Kadar Caruman Tahunan (RM)
1	RM1,050	RM157.20
2	RM1,550	RM232.80
3	RM2,950	RM442.80
4	RM3,950	RM592.80

25. Bagaimana permohonan tuntutan faedah boleh dibuat?

Permohonan faedah boleh dibuat dengan menggunakan Borang Tuntutan Faedah Lindung Kendiri (Borang PS2) yang boleh diperolehi daripada laman sesawang rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my atau di pejabat PERKESO berdekatan. Dokumen sokongan pembuktian bencana pekerjaan sendiri hendaklah disertakan bersama Borang PS2 seperti laporan polis (jika berkaitan), sijil cuti sakit dan dokumen bukti pekerjaan sendiri.

26. Apakah implikasi sekiranya pekerja gig tidak dilindungi oleh Skim LINDUNG Kendiri?

Tanpa perlindungan LINDUNG Kendiri, pekerja gig dan keluarga akan berisiko kehilangan pendapatan dan menghadapi kos perubatan tinggi jika berlaku kemalangan atau penyakit berkaitan pekerjaan.

27. Apakah manfaat jangka panjang pelaksanaan LINDUNG Kendiri kepada ekosistem pekerjaan gig?

Pelaksanaan skim ini:

- i) Meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja gig.
- ii) Menyediakan perlindungan pendapatan semasa bencana pekerjaan sendiri.
- iii) Mengurangkan beban kewangan keluarga pekerja.
Menyokong pembangunan ekonomi gig yang selamat, mampan dan inklusif.

28. Adakah pekerja gig layak membuat tuntutan faedah sekiranya caruman tidak mencukupi amaun yang ditetapkan dalam pilihan pelan caruman berkenaan?

Pekerja gig layak untuk membuat tuntutan faedah sekiranya diperakui mengalami bencana pekerjaan sendiri. Walau bagaimanapun, selaras dengan dasar dan polisi yang berkuat kuasa, sebarang kekurangan caruman akan ditolak (set-off) daripada jumlah bayaran faedah yang layak diterima pekerja gig berkenaan.

29. Bagaimanakah dengan kadar bayaran faedah sekiranya pekerja gig membuat perubahan pelan perlindungan caruman dalam tempoh perlindungan yang sama?

Pekerja gig yang membuat pindaan pelan perlindungan caruman dalam tempoh perlindungan yang sama hanya akan menerima kadar bayaran faedah mengikut pelan perlindungan caruman yang dipilih pada masa itu sahaja. Tiada hitung kira berlaku kerana kaedah pembayaran caruman adalah secara 'pre-paid'.